

34 kontinjen warga staf, pelajar UMS meriahkan Sambutan Maulidur Rasul

UB 21.10.2024 P.04

KOTAKINABALU: Sejumlah 34 kontinjen dari pelbagai Jabatan, Akademi, Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian (JAFPIB) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) termasuk jawatankuasa kepimpinan pelajar di kolej kediaman, persatuan dan kelab terlibat dalam menjayakan acara perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1446H Peringkat UMS 2024.

Para peserta kontinjen berhimpun di Dataran Dewan Canselor UMS seawal jam 7 pagi bagi sesi penilaian Pertandingan Kontinjen Terbaik, sebelum semua peserta berarak menuju ke Pusat Islam UMS bagi acara perasmian sambutan.

Perasmian sambutan itu disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor.

Beliau dalam ucapannya menekankan keperluan umat Islam untuk mengadakan program-program keagamaan yang dapat meningkatkan keimanan dengan mengambil ibrah dari seluruh kehidupan Nabi Muhammad SAW.

“Kita harus menghayati pengorbanan dan perjuangan Nabi Muhammad SAW dalam menyembuhkan dakwah Islam, serta ciri-ciri kepimpinan Baginda yang berjaya membentuk sebuah negara Islam yang dijulang tinggi dan disegani.

“Rasulullah SAW adalah suri teladan untuk diikuti oleh seluruh umat Islam di muka bumi ini.

“Diharap agar sambutan seperti ini akan melahirkan warga UMS yang berkasih sayang dan bekerjasama walaupun berbeza fikrah, budaya,



KONTINJEN: Kasim bersama ketua-ketua kontinjen sempena Sambutan Maulidur Rasul 1446H Peringkat UMS 2024.

bangsa dan agama,” katanya.

Dalam pada itu, Kasim berkata sambutan tahun ini yang bertemakan ‘Al-Falah Pemacu Malaysia MADANI’ sangat bertepatan dengan matlamat membangunkan masyarakat yang bertamadun dan memiliki pemikiran serta peradaban yang tinggi seiring dengan kemajuan dari sudut ekonomi dan pembangunan kebendaan.

“Salah satu elemen penting dalam memastikan pembangunan Malaysia MADANI ialah perpaduan seluruh masyarakat, maka perpaduan melalui akhlak Islamiah dan nilai-nilai murni harus dipupuk dan dibudayakan untuk mencapai al-Falah.

“Jika kita berpecah-belah, berhasad dengki dan saling bersengketa, itulah penyebab kerosakan segala perancangan diri, universiti, seterusnya menggagalkan aspirasi Malaysia MADANI,” katanya.

Bersempena dengan sambutan itu, Kasim turut menyempurnakan pelancaran Sistem E-Zakat, serta mendengar ceramah perdana yang disampaikan oleh Mufti Negeri Sabah Datuk Bungsu @ Aziz Jaafar.



JOHAN: Kontinjen Jabatan Pendaftar telah dinobatkan sebagai Johan Kontinjen Terbaik sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS.

Kontinjen Jabatan Pendaftar dinobatkan sebagai Johan Kontinjen Terbaik sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS, sekali gus membawa pulang hadiah bernilai RM1,000.

Kontinjen Kolej Kediaman Tun Fuad pula muncul naib johan, manakala Kontinjen Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan / Hospital UMS mendapat tempat ketiga.

Hadir sama pada acara sambutan tersebut Ahli Lembaga Pengarah UMS, Norrali Awang Damit; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Rosalam Sarbatly; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; Ketua Pustakawan UMS, Md. Sazali Md. Salleh; dan Penasihat Undang-Undang UMS, Awang Suhaizam Bongsu.